

25 SEP 1996

Mahathir - pelajar

MALAYSIA PERLU ADA "KUASA FIKIR", KATA PM

Oleh: Syed Jamil Jaafar

BOSTON, 25 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyeru rakyat Malaysia berusaha mendapatkan "kuasa fikir" untuk mempercepatkan pembangunan negara dan menambah kemakmuran.

Perdana Menteri berkata Malaysia mempunyai banyak sumber tetapi sesebuah negara tidak boleh menganggap ia kaya kecuali ia mempunyai keupayaan untuk menerokai sumber-sumber itu.

"Kita ada getah, bijih timah, tanah dan juga laut di sekeliling kita yang dapat digunakan untuk mengangkut barangan kita," kata beliau pada jamuan tengah hari bersama 100 pelajar Malaysia dari sekitar Boston hari ini.

"Kita perlu bersyukur yang kita dikelilingi oleh laut. Kita dapat lihat betapa susahnya bagi Kazakhstan dan Kyrgystan yang tidak mempunyai laluan laut untuk mengangkut barangan mereka.

"Bagaimanapun, walaupun dengan sumber-sumber ini, kita tidak boleh mengaku kaya sekiranya kita tidak mempunyai kuasa fikir untuk memanfaatkan sumber-sumber ini."

"Walaupun kita mempunyai emas di bawah tapak kaki kita, sekiranya kita tidak pandai menggunakan cangkul untuk mengoreknya keluar, bagaimana kita hendak mencairkannya dan menjadikannya barang kemas, kita tidak boleh mengakui kita kaya."

Perdana Menteri memberitahu pelajar-pelajar itu bahawa mereka berada di Amerika Syarikat untuk dilatih menggunakan otak mereka ke tahap maksimum dan beliau berharap mereka akan kembali ke tanah air untuk membantu negara bergerak ke arah wawasan menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020.

Dr Mahathir bercakap dengan panjang lebar mengenai Wawasan 2020 dan juga mengenai pentingnya kaharmonian kaum dan kestabilan politik di Malaysia.

Malaysia merancang untuk menjadi negara maju dengan acuannya sendiri, mengimbangkan kekayaan material dengan pembangunan kerohanian dan kebudayaan.

"Kita mahu tekankan mengenai moral dan menggalakkan nilai murni seperti memelihara unit kekeluargaan di samping mengejar kekayaan material," kata beliau.

Dr Mahathir kemudiannya ditanya mengenai isu seperti rasuah, alam sekitar dan demokrasi serta defisit akaun negara terkini.

Beliau berkata amalan rasual wujud di Malaysia tetapi tahapnya rendah sebagaimana dibuktikan dengan semua yang dapat dilakukan dan dilakukan dengan cepat.

"Sekiranya amalam rasuah berleluasa di semua peringkat, semuanya tidak akan dilakukan kerana pegawai-pegawai akan melambatkannya untuk mendapatkan rasuah," kata beliau.

Bagaimanapun, kata beliau kerajaan masih tidak puas hati dan mahukan usaha membasmi rasuah diperhebatkan.

Mengenai demokrasi, Perdana Menteri berkata semua bentuk demokrasi mempunyai kelemahannya dan tahap demokrasi yang diamalkan di Malaysia sesuai untuk negara ini memandangkan kepada sensitiviti pelbagai kaum, agama dan kebudayaannya.

Dr Mahathir yang tiba di sini setelah melawat Portugal selama tiga hari, kemudiannya berlepas ke New York untuk menghadiri Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. -- BERNAMA

SJ WAT MAI